

Malaysia dipuji teroka teknologi nuklear

UM- 19/7/2007

PUTRAJAYA 18 Julai – Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) gembira dengan usaha Malaysia meneroka ilmu pengetahuan dalam bidang teknologi nuklear melalui pembinaan Makmal Pengawasan Nuklear.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Ketua Pengarah IAEA, Dr. Mohamed Elbaradei menyatakan, usaha itu tidak bermakna negara ini mahu menggunakan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga alternatif.

“Beliau cukup senang dengan cara Malaysia dan menyatakan pembinaan makmal pengawasan itu adalah perkembangan yang baik serta satu tindakan positif,

“Beliau juga menyatakan IAEA akan memberikan kerjasama kepada negara ini dan saya berharap

dapat berjumpa dengannya lagi sekiranya menghadiri mesyuarat di Vienna nanti,” katanya selepas menerima kunjungan Mohamed di pejabatnya di sini hari ini.

Sabtu lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan akan membina Makmal Pengawasan Nuklear bernilai kira-kira RM100 juta di Bukit Iban, Rompin, Pahang.

Makmal nuklear yang pertama di Asia Tenggara dan ke-16 di dunia itu akan mengambil masa tiga tahun untuk disiapkan.

Asia Tenggara akan mempunyai beberapa reaktor nuklear penjana elektrik dalam 10 tahun akan datang dengan Indonesia dijadual membangunkan program kuasa nuklear pada 2016 manakala Vietnam dan Thailand masing-masing

pada 2018 dan 2021.

Syed Hamid memberitahu, IAEA menyatakan kesediaannya untuk memberikan kerjasama dari segi pembinaan dan kemudahan di makmal pengawasan tersebut.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini kerajaan belum membuat sebarang keputusan sama ada tenaga nuklear akan digunakan sebagai sumber alternatif pada masa depan namun tidak mengingirkan kepentingan teknologi tersebut.


Mengenai isu nuklear Korea Utara, Syed Hamid memberitahu, semua pihak terlibat tidak semestinya menetapkan satu tarikh akhir untuk mencari penyelesaian sebaliknya mengambil pendekatan yang holistik dan fleksibel.

Beliau menjelaskan, sekiranya isu Korea Utara dapat diselesaikan, ia mendatangkan kebaikan kepada rantau ini dari segi keamanan dan keselamatan.

Dalam pertemuannya dengan Mohamed, katanya, beliau telah dimaklumkan perkembangan terkini tentang isu Korea Utara serta Iran dan menyifatkannya masih terdapat ‘cahaya di hujung terowong’.

Bagaimanapun jelas beliau, semua pihak terlibat perlu bekerja keras bagi memastikan satu penyelesaian jangka masa panjang dan memuaskan hati semua pihak dicapai.

“Beliau (Mohamed) juga merasa gembira dengan Iran apabila negara itu telah menunjukkan persetujuan bagi berhubung de-



DR. MOHAMED ELBARADEI

ngan IAEA dan sepakat menyatakan perlu ada perbincangan secara langsung dengan Amerika Syarikat (AS),” katanya.